

[VIDEO] Sultan Selangor titah semua pihak jangan politikkan isu kalimah Allah, tunggu Majlis Raja-Raja buat ketetapan

07 Jun 2023, 5:27pm

SHAH ALAM: Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah agar semua pihak tidak mempolitik, membangkit atau membahaskan isu penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam sehingga Majlis Raja-Raja (MRR) membuat ketetapan muktamad mengenai perkara ini.

Dalam satu kenyataan, Sultan Sharafuddin menegaskan baginda telah menyatakan pandangannya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa perkara berkenaan perlu dibawa kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) untuk dibincangkan.

"Perdana Menteri telah bersetuju dengan cadangan beta untuk membawa isu ini kepada MKI pada bulan Ogos 2023 sebelum ia diangkat kepada Majlis Raja-Raja pada bulan Oktober 2023", titah baginda.

Baginda selaku Pengerusi MKI percaya pandangan MKI penting untuk dimajukan kepada MRR dalam menetapkan dasar muktamad berhubung penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam di negara ini.

Titah baginda, pandangannya itu turut dipersetujui Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah memandangkan ia selaras dengan fungsi MKI yang bertanggungjawab menasihati Raja-Raja Melayu dalam menambah baik tadbir urus agama Islam di peringkat persekutuan.

"Beta juga berpandangan, memandangkan perkara ini melibatkan sensitiviti agama di Malaysia, isu penggunaan kalimah Allah oleh orang bukan Islam ini perlu dimuktamadkan dengan segera oleh pihak Kerajaan Malaysia dengan penuh hikmah dan tanggungjawab,".

"Beta menyeru semua pihak agar menghormati peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang menjamin hak dan kuasa Raja-Raja Melayu dalam menentukan perkara berkaitan agama Islam," titah baginda lagi.

Perdana Menteri tengah hari tadi telah menghadap dan menyembah taklimat kepada Sultan Sharafuddin di Istana Bukit Kayangan di sini, berhubung keputusan kerajaan menarik balik rayuan dalam kes Jill Ireland melawan Menteri Dalam Negeri dan Kerajaan Malaysia di Mahkamah Rayuan baru-baru ini.

Pada 23 Mei lalu, Anwar memaklumkan kepada Dewan Rakyat, kerajaan sedang mengkaji untuk meminda atau membatalkan semua undang-undang yang bercanggah dengan keputusan Majlis Raja-Raja Melayu berhubung penggunaan kalimah Allah.